

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH : 29 MAC 2018 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Companies urged to join forces with youths in sustainability projects	The Borneo Post
2.	Elak berada di kawasan lapang ketika ribut petir	Berita Harian
3.	Waspada cuaca semasa, elak berada di tempat lapang	Berita Harian Online
4.	Cari kawasan selamat ketika ribut petir	My Metro
5.	Jangan guna alat tak penuh piawaian	Berita Harian

Companies urged to join forces with youths in sustainability projects



Madius (centre) witnessing the exchange of documents between Tan (second left) and Lee (second right) as others look on. — Bernama photo

PUTRAJAYA: More companies are encouraged to explore strategic partnerships in environmental sustainability initiatives spearheaded by the youth, said **Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Madius Tangau**.

He said it was essential for the government to engage the private sector and empower youths to be part of the National Transformation 2050 (TN50) agenda from a sustainability perspective.

"Some innovations need a lot of funding from the government but sometimes we have constraints in funding, especially for big projects.

"But if we could come out with a business model to address this kind of issues, it would be fantastic," he said at a memorandum of understanding (MoU) signing ceremony between Ecoverse and Sime Darby Plantation Bhd to develop a sustainable bamboo plantation here yesterday.

Ecoverse, a youth-led enterprise, was represented by its founder, Christopher Louis Tan, while Sime Darby Plantation by its Principal Sustainability Officer, Lee Ming Enn.

Tan said Ecoverse's goal was to create Malaysia's first youth-led sustainability hub revolving around a bamboo plantation on its 32 hectares of native land where visitors could experience sustainable living lifestyle.

"Basically, we are providing ecotourism experiences but with a good cause to raise awareness on sustainability through our volunteering and conservation activities in Sabah," he said.

Tan said through the three-year MoU, Sime Darby Plantation would provide technical support to assist research in bamboo plantation programme to create a bamboo forest carbon sink. — Bernama

'Elak berada di kawasan lapang ketika ribut petir'

➔ MetMalaysia ramal angin kencang, hujan lebat susulan peralihan monsun

Oleh Suhaila Shahrul Annuar
suhaila.shahrul@nstp.com.my

Putrajaya

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) menasihatkan orang ramai supaya mengelak berada di kawasan lapang ketika berlaku ribut petir susulan musim peralihan monsun bermula semalam hingga minggu pertama Mei ini.

Ketua Pengarah MetMalaysia, Alui Bahari, berkata musim peralihan monsun yang kemuncaknya pada April ini dijangka menyebabkan angin kencang dan hujan lebat, seterusnya banjir kilat, terutama pada waktu petang dan

awal malam.

Beliau berkata, sepanjang April hingga minggu pertama Mei ini, Malaysia melalui tempoh peralihan monsun, mengantikan fasa akhir monsun timur laut.

"Keadaan itu menyebabkan angin yang bertiup bertukar arah dari Timur Laut ke Barat Daya. Pertembungan tiupan angin itu menyebabkan berlaku angin kencang, ribut petir dan hujan lebat dalam tempoh singkat antara satu hingga dua jam, sekali gus menyebabkan banjir kilat lebih kerap berlaku.

"Ia lebih kerap berlaku di kawasan negeri Pantai Barat dan pedalaman Semenanjung, Pantai Barat Sabah serta kawasan Barat dan Tengah Sarawak, terutama pada waktu petang dan awal malam," katanya ketika dihubungi NSTP, semalam.

Peka ramalan cuaca

Alui berkata, walaupun tempoh hujan lebat dan ribut petir dijangka berlaku dalam waktu singkat antara setengah jam hingga dua jam, orang ramai dinasihatkan lebih berwaspada terhadap keadaan cuaca dan sentiasa peka dengan ramalan serta amaran cuaca.



Walaupun tempoh hujan lebat dan ribut petir dijangka berlaku dalam waktu singkat antara setengah jam hingga dua jam, orang ramai dinasihatkan lebih berwaspada terhadap keadaan cuaca dan sentiasa peka dengan ramalan serta amaran cuaca"

Alui Bahari,
Ketua Pengarah
MetMalaysia

Beliau berkata, angin kencang juga diramal menghasilkan hujan batu di beberapa tempat dan puting beliung berskala kecil susulan pembentukan awan kumulunimbus yang turut dikenali awan ribut petir.

"Bagaimanapun, kejadian puting beliung dan hujan batu amat sukar diramal, susulan itu orang ramai dinasihatkan lebih berwaspada terhadap keadaan cuaca.

"Elakkan berada di kawasan lapang ketika ribut petir berlaku selain mengelak meletak kenderaan di kawasan banyak pokok tinggi dan papan tanda yang dikhuatiri boleh tumbang akibat angin kencang dan ribut petir," katanya.

Menurutnya, peralihan monsun biasa berlaku setiap tahun tetapi kesannya tidak serius berbanding cuaca musim tengkujuh yang biasanya diramal berlaku pada November.

Orang ramai boleh mendapatkan maklumat cuaca terkini menerusi laman sesawang, www.met.gov.my, aplikasi mobil myCuaca dan Rakan MET atau Facebook [malaysiamet](https://www.facebook.com/malaysiamet) dan Twitter [@malaysianmet](https://twitter.com/malaysianmet), SMS 15888 atau talian hotline 1300221MET (1638).



Waspada cuaca semasa, elak berada di tempat lapang

PUTRAJAYA: Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) menasihatkan orang ramai supaya mengelak berada di kawasan lapang ketika berlaku ribut petir susulan musim peralihan monsun bermula semalam hingga minggu pertama Mei ini.

Ketua Pengarah MetMalaysia, Alui Bahari, berkata, musim peralihan monsun yang kemuncaknya pada April ini dijangka menyebabkan angin kencang dan hujan lebat, seterusnya banjir kilat, terutama pada waktu petang dan awal malam.

Beliau berkata, sepanjang April hingga minggu pertama Mei ini, Malaysia melalui tempoh peralihan monsun, menggantikan fasa akhir monsun timur laut.

"Keadaan itu menyebabkan angin yang bertiup bertukar arah dari Timur Laut ke Barat Daya. Pertembungan tiupan angin itu menyebabkan berlaku angin kencang, ribut petir dan hujan lebat dalam tempoh singkat antara satu hingga dua jam, sekali gus menyebabkan banjir kilat lebih kerap berlaku.

"Ia lebih kerap berlaku di kawasan negeri pantai barat dan pedalaman Semenanjung, pantai barat Sabah serta kawasan barat dan tengah Sarawak terutama pada waktu petang dan awal malam," katanya ketika dihubungi NSTP, hari ini.

Alui berkata, walaupun tempoh hujan lebat dan ribut petir dijangka berlaku dalam waktu singkat antara setengah jam hingga dua jam, orang ramai dinasihatkan lebih berwaspada terhadap keadaan cuaca dan sentiasa peka dengan ramalan serta amaran cuaca.

Beliau berkata, angin kencang juga diramalkan menghasilkan hujan batu di beberapa tempat dan puting beliung berskala kecil susulan pembentukan awan kumulunimbus yang turut dikenali sebagai awan ribut petir.

"Bagaimanapun, kejadian puting beliung dan hujan batu amat sukar diramal, susulan itu orang ramai dinasihatkan lebih berwaspada terhadap keadaan cuaca.

"Elakkan berada di kawasan lapang ketika ribut petir berlaku selain mengelak meletak kenderaan di kawasan banyak pokok tinggi dan papan tanda yang dikhuatiri boleh tumbang akibat angin kencang dan ribut petir," katanya.

Menurutnya, peralihan monsun biasa berlaku setiap tahun tetapi kesannya tidak serius berbanding cuaca musim tengkujuh yang biasanya diramal berlaku pada November.

Orang ramai boleh mendapatkan maklumat cuaca terkini menerusi laman sesawang, www.met.gov.my, aplikasi mobil myCuaca dan Rakan MET atau Facebook malaysiamet dan Twitter @malaysianmet, SMS 15888 atau talian hotline 1300221MET (1638).



'Cari kawasan selamat ketika ribut petir'



GAMBAR hiasan

ORANG ramai dinasihatkan mengelak berada di kawasan lapang ketika berlaku ribut petir susulan musim peralihan monsun bermula semalam hingga minggu pertama Mei ini.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) Alui Bahari berkata, musim peralihan monsun yang kemuncaknya pada April ini dijangka menyebabkan berlaku angin kencang, hujan lebat seterusnya banjir kilat terutama pada waktu petang dan awal malam.

Katanya, sepanjang April hingga minggu pertama Mei ini, Malaysia melalui tempoh peralihan monsun yang menggantikan fasa akhir monsun Timur Laut.

"Ia menyebabkan angin yang bertiup bertukar arah, dari Timur Laut ke Barat Daya. Pertembungan angin itu menyebabkan berlaku angin kencang, ribut petir dan hujan lebat dalam tempoh singkat antara satu hingga dua jam sekali gus mengakibatkan banjir kilat lebih kerap berlaku.

"Ia lebih kerap berlaku di kawasan negeri pantai Barat dan pedalaman Semenanjung, pantai Barat Sabah serta kawasan Barat dan Tengah Sarawak terutama pada waktu petang dan awal malam," katanya ketika dihubungi NSTP, hari ini.

Menurutnya, walaupun hujan lebat dan ribut petir dijangka berlaku dalam tempoh singkat iaitu antara setengah jam hingga dua jam, orang ramai dinasihatkan lebih berwaspada terhadap keadaan cuaca dan sentiasa peka dengan ramalan serta amaran cuaca.

Katanya, angin kencang juga diramalkan menghasilkan hujan batu di beberapa tempat dan puting beliung berskala kecil susulan pembentukan awan kumulunimbus yang juga turut dikenali sebagai awan ribut petir.

"Bagaimanapun, kejadian puting beliung serta hujan batu amat sukar diramal, dan susulan itu orang ramai dinasihatkan lebih berwaspada terhadap keadaan cuaca.

"Elakkan berada di kawasan lapang ketika ribut petir berlaku selain elak meletak kenderaan di kawasan banyak pokok tinggi dan papan tanda yang dikhuatiri boleh tumbang akibat angin kencang dan ribut petir," katanya

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (EKSKLUSIF) : MUKA SURAT 16
TARIKH : 29 MAC 2018 (KHAMIS)

'Jangan guna alat tak penuh piawaian'

Kuala Lumpur: Pemilik premis khususnya yang berisiko menjadi sasaran jenayah, dinasihat tidak menggunakan kamera pengawasan berasaskan protokol internet (IP) murah dan tidak memenuhi piawaian yang mudah digodam atau diceroboh.

Antara premis berkenaan ialah bank, kedai pajak gadai dan kedai emas serta kaunter pembayaran seperti di stesen minyak atau pasar raya.

Naib Presiden Kanan, Perkhidmatan Responsif Keselamatan Siber, CyberSecurity Malaysia (CSM), Dr. Aswami Ariffin, berkata pengguna boleh mendapatkan rujukan serta nasihat penggunaan sistem kamera pemantauan daripada agensi berwajib.

Walaupun belum ada laporan diterima mengenai pencerobohan pelayar (server) sistem kamera litar tertutup (CCTV) di negara ini, beliau tidak menolak kemungkinan kes sedemikian berlaku secara senyap berikutan perkembangan teknologi, sekuriti lemah selain tiada pemantauan.

"Justeru, kita minta pengguna dapatkan rujukan serta nasihat pakar atau agensi berwajib dalam soal penggunaan sistem CCTV supaya dapat mengurag atau mengelakkan risiko," katanya.

Lihat data peribadi

Pada Ogos lalu, penggodam dari Amerika Syarikat berjaya menceroboh rakaman kamera IP secara terus aksi seorang pekerja di sebuah stesen minyak di negara ini sedang bertugas di kaunter.

Penceroboh menggunakan visual kamera IP di premis terbabit untuk melihat data peribadi seperti kad kredit, kata laluan serta ruang dan peluang untuk melakukan jenayah di stesen minyak berkenaan.

Mengenai keseimbangan penggunaan kamera IP murah, Asmawi berkata, selain risiko diceroboh penjenayah, kualiti rakaman atau visual penting untuk membantu sekiranya berlaku jenayah di premis terbabit.

"Bagi kes yang perlu mengenal pasti identiti menerusi CCTV, peraturan kejayaannya lebih kurang 20 peratus, selebihnya tidak berjaya kerana keadaan CCTV itu sendiri yang mempunyai kualiti rakaman rendah," katanya.



Kita minta pengguna dapatkan rujukan serta

nasihat pakar atau agensi berwajib dalam soal penggunaan sistem CCTV supaya dapat mengelakkan risiko"

Dr Aswami Ariffin,
Naib Presiden Kanan, Perkhidmatan Responsif Keselamatan Siber, CSM